



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

THE FAVORED SON OF ADAM ANAK ADAM YANG DI MULIAKAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Allah ﷻ mencipta manusia sebaik baik ciptaan.

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ

“Walaqad karramna Bani Adam.” (Sura Isra:70) .

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Ringkasan firman Allah ﷻ, “Kami telah istimewaakan Anak Adam”. Manusia hidup berperingkat peringkat; kelahirannya, melalui peringkat kanak kanak, remaja dan seterusnya menjadi tua. Pada peringkat pertama Ibu menjaga mereka, di ikuti dengan bapa dan keluarga menjaga mereka. Selepas itu mereka bernikah dan menjaga diri masing masing. Justru itu mereka cari perkerjaan dan mencari nafkah dan waktu ini mereka menjaga diri masing masing.

Inilah aturcara untuk orang Muslim atau bukan Muslim, tidak kira mereka mengenal atau tidak mengenal Allah ﷻ. Allah telah aturkan peringkat peringkat hidup dan mereka akan ikut aturcara ini. Dalam konteks ini semua orang sama dalam kehidupannya. Haiwan juga agak sama. Mereka mencari makan dan minum dan mereka akan berkumpul di hari akhirat untuk di hisabkan, dan selepas itu mereka akan menjadi debu dan hilang begitu.

{ سُورَةُ التَّكْوِيْرِ

وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ (٥)

Dan apabila binatang-binatang liar dihimpunkan. (At Takwir : 5) }



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

{“Semua makhluk akan dikumpulkan di hari Kiamat termasuklah binatang, burung dan yang lain. Keadilan Allah yang amat sempurna di mana kambing yang tidak bertanduk akan menerima pampasan / ganjaran dari kambing yang bertanduk. Allah akan mengarahkan mereka : ‘Jadilah debu!’. Maka berkatalah orang kafir : ‘Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah (supaya aku tidak dibangkitkan untuk dihitung amalku dan menerima balasan) ‘(Surah al-Naba’ : 40). Ini telah diriwayatkan di dalam Hadith Nabi (secara Marfu’) di dalam hadith tiupan sangka-kala”

[Ahmad Syakir. Umdah al-Tafsir ‘an al-Hafiz Ibn Kathir, 1/772, Dar al-Wafaa’, 2003]}.

Yang penting, manusia mesti berkerja dan mengenal Allah ﷻ, lantas mengikut perintah Allah ﷻ. Jika mereka melakukan perkara ini maka mereka akan masuk dalam golongan ‘Walaqad karramna Bani Adam’. Dalam golongan istimewa ini Allah telah berjanji syurga dan semua kebaikan di akhirat. Mereka di gelar oleh Allah ﷻ sebagai Manusia yang mempunyai Maqam yang tertinggi.

Ayat yang patut jadi renungan saat ini adalah firman Allah Ta’ala,

{ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ }

{Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.” (QS. Al Hujurat: 13)}

Jika anda tidak mengenal Allah ﷻ, anda akan berkerja seperti haiwan berkaki empat dan akhir nya anda akan mati dan hilang begitu. Tetapi sebagai manusia anda akan masuk ke suatu tempat yang tidak indah (neraka), lebih dashyat dari haiwan seperti firman Allah ﷻ

{ سُورَةُ الْأَعْرَافِ
أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلَّ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ }

{Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai (Al Araf 179).}

Kenapa keadaan haiwan lebih baik? Jika Haiwan itu mencederakan haiwan lain, mereka akan di hisab di akhirat. Tetapi selepas di hisab mereka tidak akan masuk neraka tetapi menjadi debu dan hilang begitu. Hanya Manusia akan di hisab dan di masuki surga atau neraka selama lama nya.



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Itu lah sebab mereka harus bersyukur jika mereka binatang. Kerana keadaan mereka lebih dashyat dari binatang. Mereka tidak akan selamat di akhirat. Hidup di dunia ini pendek. Hakikat hidup di dunia ini seperti sekelipan mata bila di bandingkan dengan kehidupan di akahirat. Itu lah sebab kita tidak boleh lupa akan Allah ﷻ di dunia ini dan laksanakan perintah Allah ﷻ. Moga Allah ﷻ tingkatkan kita ke maqam yang tinggi demi barakah hari Jumaat ini, InsyaAllah

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil

8 January 2016 / 28 Rabiul Awwal 1437
Akbaba Dargah, Saba